



PERATURAN Akademik PENGAJIAN SISWAZAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL
KEBANGSAAN MALAYSIA

LG
173
.M44
.P47
2005
a
n1

a

LG173.M44 .P47



0000008569

Peraturan akademik pengajian siswazah / Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA



Disahkan oleh
Senat Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia
(Pada tarikh 26 Mei 2005)

Diterbitkan oleh
Pusat Pengajian Siswazah
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia
Karung Berkunci 1200
Ayer Keroh,
75450 Melaka

KANDUNGAN

Seksyen 1:	Nama dan Tujuan Peraturan	1
Seksyen 2:	Definisi	1
Seksyen 3:	Syarat-syarat Kemasukan	5
Seksyen 4:	Mod dan Tempoh Pengajian	7
Seksyen 5:	Pendaftaran	8
Seksyen 6:	Yuran	11
Seksyen 7:	Penyeliaan dan Penasihatan Calon	11
Seksyen 8:	Penilaian Mod Penyelidikan	12
Seksyen 9:	Penilaian Mod Kursus dan Mod Campuran	16
Seksyen 10:	Kedudukan Akademik	19
Seksyen 11:	Keperluan Pengijazahan	21
Seksyen 12:	Penyelewengan Akademik dan Hukuman	23
Seksyen 13:	Penerbitan dan Hak Cipta	24
Seksyen 14:	Peruntukan Am	25

Seksyen 1: Nama dan Tujuan Peraturan

(a) Nama Peraturan

Peraturan ini dikenali sebagai Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia dan seterusnya dirujuk sebagai "Peraturan Akademik Siswazah".

Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua Calon yang sedang atau mula mengikuti sesuatu program pengajian siswazah di Universiti dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2005.

(b) Tujuan Peraturan

Tujuan Peraturan ini ialah:

- (i) menyediakan garis panduan bagi fakulti merancang dan melaksanakan program-program pengajian siswazah peringkat Kedoktoran, Sarjana dan Diploma Lepas Ijazah yang inovatif dan berkualiti.
- (ii) menyediakan panduan dan memudahkan calon bagi merancang serta mengikuti pengajian siswazah di KUTKM.

Seksyen 2: Definisi

Definisi dalam Peraturan ini adalah seperti berikut, melainkan jika kandungan ayatnya memperjelaskan maksudnya yang lain:-

- Beban Akademik merujuk kepada jumlah jam kredit sebenar atau setara yang ditanggung oleh Calon dalam satu-satu semester yang tertentu.
- Calon ialah seseorang yang telah didaftarkan untuk mengikuti program pengajian siswazah di Universiti ini.
- Pengijazahan ialah penamatan status seseorang Calon setelah beliau memenuhi semua keperluan yang ditentukan dalam program untuk pengurniaan ijazah/diploma.

- Disertasi ialah satu karya akademik yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan program pengajian siswazah Mod Campuran.
- Fakulti ialah pusat tanggungjawab yang diberi tugas oleh Senat bagi menjalankan program akademik.
- Mata Pelajaran Hadir Sahaja ialah mata pelajaran yang tidak perlu dinilai melalui sistem penilaian lazim. Rekod pendaftaran mata pelajaran ini tercatat dalam transkrip sekiranya Calon memenuhi syarat kehadiran tidak kurang 80%. Jika kehadiran Calon kurang daripada 80% tanpa sebarang sebab yang boleh diterima oleh Universiti, rekod mata pelajaran ini akan dimansuhkan.
- Mata Pelajaran Hadir Wajib ialah mata pelajaran yang dinilai melalui sistem penilaian lazim dan gred keputusan penilaian diberi sebagai Hadir Lulus (HL) atau Hadir Gagal(HG). Kredit bagi mata pelajaran HW dimasukkan dalam Kredit Dapat tetapi tidak diambilkira dalam Kredit Kira. Calon yang gagal dalam mata pelajaran Hadir Wajib perlu mengulang mata pelajaran tersebut.
- Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF) ialah jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menyelia perancangan dan pengendalian program pengajian siswazah serta memperakukan keputusan peperiksaan pengajian siswazah peringkat Fakulti kepada JKTPS.
- Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JKPS) ialah jawatankuasa yang ditubuhkan di Pusat Pengajian Siswazah untuk menyelaras hal ehwal akademik dan peperiksaan pengajian siswazah.
- Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah (JKTSPS) ialah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat Universiti untuk membincang dan memperakukan tentang cadangan program baru, pindaan kurikulum, peraturan dan keputusan peperiksaan pengajian siswazah termasuk kes rayuan Calon.

- Kredit ialah unit ukuran beban bagi sesuatu mata pelajaran.
- Kerja Kursus ialah sebarang penilaian yang dibuat dalam tempoh perkuliahan sesuatu semester.
- Kursus ialah gabungan mata pelajaran bagi sesuatu program pengajian.
- Kredit Dapat ialah jumlah kredit yang diperoleh bagi mata pelajaran yang lulus.
- Kredit Kira ialah kredit yang diambilkira dalam pengiraan GPA dan CGPA.
- Kredit Pindah ialah bilangan kredit yang diberi kepada pelajar berdasarkan mata pelajaran tertentu yang telah diikuti oleh pelajar di mana-mana IPT.
- Laporan Projek ialah satu karya akademik yang dikemukakan oleh calon bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan program pengajian siswazah Mod Kursus.
- Matapelajaran Wajib Universiti ialah mata pelajaran yang ditentukan oleh pihak Universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar.
- Tangguh Pengajian ialah status pelajar yang tidak mengikuti pengajian pada sesuatu semester atas sebab-sebab tertentu dengan kelulusan Universiti.
- Ulang Mata Pelajaran ialah pendaftaran semula mata pelajaran yang sama dalam semester yang berikutnya.
- Panel Penyelia ialah satu jawatankuasa yang dilantik oleh Universiti untuk menyelia
- Panel Pemeriksaan Tesis (PPT) ialah badan pemeriksa tertinggi yang menilai kerja penyelidikan seorang Calon siswazah.
- Pemeriksa Dalaman ialah staf akademik yang dilantik oleh Universiti untuk memeriksa tesis/disertasi program pengajian peringkat Sarjana atau Kedoktoran.

- Pemeriksa Luar ialah seseorang pakar dari luar yang dilantik oleh Universiti untuk memeriksa tesis/disertasi pelajar program pengajian peringkat Sarjana atau Kedoktoran.
- Mod Campuran ialah pengajian siswazah yang dilaksanakan secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan.
- Mod Kursus ialah pengajian siswazah yang dilaksanakan secara kuliah dan/ atau menjalani latihan akademik yang berbentuk tugas, kertas projek dan seumpamanya.
- Mod Penyelidikan ertiinya jenis pengajian siswazah yang dilaksanakan secara penyelidikan sepenuhnya.
- Penyelia ertiinya staf akademik yang dilantik oleh Universiti untuk menyelia Calon program pengajian mod penyelidikan dan mod campuran.
- Peperiksaan ialah sebarang bentuk penilaian untuk mengukur pencapaian akademik Calon.
- Program Eksekutif ialah program pengajian yang ditawarkan khas secara modular bagi memenuhi keperluan para eksekutif dari sektor swasta dan kerajaan. Program Eksekutif lazimnya dilaksanakan secara modular bagi memenuhi keperluan kumpulan Calon berkenaan.
- Pusat Pengajian Siswazah (PPS) ialah pusat yang ditubuhkan oleh Universiti untuk mengurus dan menyelaras pengendalian program pengajian siswazah.
- Semester ialah jangkamasa pengajian dalam tahun akademik yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- Semester Khas ialah jangkamasa pengajian 8 minggu yang dijalankan semasa cuti akhir tahun akademik.
- Semester Lazim ialah jangkamasa pengajian 18 minggu yang ditetapkan oleh Universiti.

- Senat ialah Badan Akademik Tertinggi bagi Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 19 (4) Akta Universiti Dan Kolej Universiti (AUKU) 1971.
- Tahun Akademik ialah jangkamasa 12 bulan bermula dari bulan Jun setiap tahun tertakluk kepada pindaan.
- Tawaran Kemasukan ialah keputusan secara rasmi Universiti untuk memberikan peluang kepada pemohon untuk memulakan pengajian di KUTKM.
- Tempoh Pengajian ialah semester maksimum yang dibenarkan bagi menamatkan sesuatu kursus.
- Tesis ialah satu karya akademik yang dikemukakan oleh Calon bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian siswazah Mod Penyelidikan.
- Transkrip ialah penyata rasmi yang mengandungi keputusan peperiksaan sepanjang tempoh pengajian pelajar yang dikeluarkan oleh Universiti.
- Universiti merujuk kepada Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM).

Seksyen 3: Syarat-syarat Kemasukan

3.1 Syarat Am Kemasukan

3.1.1 Program Sarjana:

- (a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan dengan gred yang baik daripada KUTKM atau daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf;

ATAU;

- (b) Kelayakan lain yang setaraf dengan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) atau kelayakan professional dan pengalaman berkaitan yang diiktiraf oleh Senat.

3.1.2 Program Kedoktoran:

- (a) Ijazah Sarjana dengan gred yang baik daripada KUTKM atau daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf;

- ATAU;

- (b) Kelayakan lain yang setaraf dengan ijazah Sarjana atau kelayakan professional dan pengalaman berkaitan yang diiktiraf oleh Senat.
- (c) Ijazah Sarjana Muda dengan CGPA 3.8 atau setara yang diiktiraf oleh Senat
- (d) Calon Sarjana yang sah dan berdaftar di KUTKM yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Siswazah Fakulti (JKPSF) dan dibenarkan oleh Senat.

3.2 Keperluan Bahasa Inggeris (*Calon Luar Negara Sahaja*)

- 3.2.1 Pemohon dikehendaki mengemukakan keputusan peperiksaan Bahasa Inggeris- *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL) (minimum skor 500) atau *International English Language Testing Services* (IELTS) (minimum skor 5.0) untuk mendaftar sebagai Calon dalam program siswazah.

- 3.2.2 Pemohon yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam seksyen 3.2.1 di atas boleh diberikan status Kemasukan Bersyarat. Pemohon haruslah menjalani kursus Bahasa Inggeris yang dijalankan oleh Universiti dan mencapai skor minimum yang ditetapkan sebelum dibenarkan mengikuti program. Sekiranya gagal mencapai kelulusan yang ditetapkan calon tidak akan dipertimbangkan untuk mengikuti program.

3.3 Syarat Kemasukan Tambahan

- 3.3.1 Jika perlu, seseorang pemohon akan ditemuduga dan/atau dikehendaki menjalani ujian Kemasukan bagi menentukan kelayakannya untuk Kemasukan ke dalam sesuatu program.

Seksyen 4: Mod dan Tempoh Pengajian

4.1 Mod Pengajian

Calon boleh mengikuti salah satu mod pengajian seperti berikut tertakluk kepada persetujuan Fakulti:-

4.1.1 Mod Penyelidikan

Program siswazah di bawah struktur ini menekankan kepada aktiviti penyelidikan sebagai keperluan untuk penganugerahan ijazah tinggi. Penilaian bergantung sepenuhnya kepada tesis.

4.1.2 Mod Kursus

Program siswazah di bawah struktur ini menumpukan kepada aktiviti kerja kursus sepenuhnya. Komponen penilaian termasuklah peperiksaan, tugas, kertas projek dan sebagainya.

4.1.3 Mod Campuran

Program siswazah di bawah struktur ini menumpukan kepada gabungan aktiviti kerja kursus dan penyelidikan. Penilaian bergantung kepada gabungan kursus dan disertasi. Maksimum jam kredit kerja kursus ialah 60% daripada keseluruhan jam kredit yang ditawarkan.

4.2 Tempoh Pengajian

4.2.1 Bergantung kepada program tertentu, tempoh pengajian program-program siswazah adalah di antara tempoh minimum dan maksimum seperti di dalam Jadual 2:

Jadual 2:Tempoh Pengajian

PROGRAM	TEMPOH MINIMUM(SEMESTER)	TEMPOH
		MAKSIMUM (SEMESTER)
Sarjana	3	12
Kedoktoran	6	15

- 4.2.2 Dalam kes-kes khas, seseorang Calon boleh memohon untuk pengijazahan lebih awal daripada tempoh minimum yang telah ditentukan jika beliau telah menunjukkan prestasi cemerlang tertakluk kepada kelulusan Senat.
- 4.2.3 Senat boleh menambahkan rayuan calon untuk menambah tempoh pengajiannya melebihi jangkamasa maksimum pengajian sebagaimana dalam Jadual 2.

Seksyen 5: Pendaftaran

- 5.1 Pendaftaran Program Pengajian
 - 5.1.1 Calon dikehendaki membuat pendaftaran program pengajian yang ditawarkan mengikut syarat dan tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.
 - 5.1.2 Calon boleh memohon untuk menangguhkan pendaftaran program pengajiannya selama tidak kurang daripada satu semester dan tidak melebihi dua semester tertakluk kepada kelulusan Universiti.
 - 5.1.3 Sekiranya Calon gagal mendaftar pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti, maka tawaran program terhadapnya adalah terbatal atau Calon dikenakan bayaran pendaftaran lewat.
 - 5.1.4 Calon hendaklah mendaftar dan membayar yuran pada awal setiap semester sepanjang pengajian.
- 5.2 Pendaftaran Mata Pelajaran
 - 5.2.1 Calon diwajibkan mendaftar setiap mata pelajaran yang diambil pada tiap-tiap semester dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

- 5.2.2 Pendaftaran mata pelajaran lewat daripada tempoh yang ditetapkan akan dikenakan bayaran pendaftaran lewat.
- 5.2.3 Calon yang tidak membuat pendaftaran mata pelajaran dalam tempoh yang ditetapkan akan diberhentikan dari pengajian, kecuali atas sebab-sebab yang dapat diterima oleh Universiti dan akan dikenakan denda yang ditetapkan oleh Universiti.
- 5.2.4 Calon boleh menambah dan menggugurkan mata pelajaran dalam tempoh yang ditetapkan (*sila rujuk panduan pendaftaran mata pelajaran*)
- 5.2.5 Bagi tempoh-tempoh di atas, Calon hendaklah merujuk kepada pendaftaran kursus masing-masing.
- 5.2.6 Calon program mod penyelidikan diperlukan mengambil dua (2) mata pelajaran Wajib Universiti dalam tempoh pengajian.

5.3 Tarik Diri Mata Pelajaran

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- 5.3.1 Calon boleh memohon daripada Fakulti untuk Tarik Diri (TD) mana-mana mata pelajaran yang telah didaftarkan tidak lewat dari hari Jumaat minggu ke-12 semester yang berkenaan.
- 5.3.2 Kebenaran untuk Calon menarik diri dari mengikuti sesuatu mata pelajaran adalah tertakluk kepada jumlah kredit minimum yang ditetapkan.

5.4 Beban Akademik

- 5.4.1 Bagi Calon Sarjana, bilangan kredit minimum yang dibenarkan setiap semester ialah tiga (3) kredit dan bilangan kredit maksimum yang dibenarkan ialah dua belas (12) kredit.
- 5.4.2 Bagi Calon Doktor Falsafah, bilangan kredit minimum yang dibenarkan setiap semester ialah enam (6) kredit dan bilangan kredit maksimum yang dibenarkan ialah lima belas (15) kredit.

- 5.4.3 Pengecualian kepada bilangan kredit minimum/maksimum yang boleh diambil oleh Calon hanya diberi pertimbangan atas kes tertentu yang akan diperakukan oleh JKPS Fakulti.

5.5 Penukaran Kursus

- 5.5.1 Seseorang Calon yang telah mendaftar dengan Universiti boleh memohon, dengan sebab yang munasabah untuk menukar kursus dalam semester lazim pertama pengajiannya.
- 5.5.2 Jika seseorang Calon memohon untuk menukar kursus pengajiannya kepada kursus lain dalam Fakulti yang sama, JKPSF berkuasa untuk memutuskan tertakluk kepada Seksyen 5.1. JKTSPS mesti dimaklumkan untuk tujuan perekodan.
- 5.5.3 Jika seseorang Calon memohon untuk menukar kursus pengajiannya kepada kursus dalam Fakulti yang lain, keputusannya akan dibuat oleh JKTSPS dengan sokongan Fakulti yang melepaskannya dan JKPSF Fakulti yang menerima.

5.6 Penangguhan

- 5.6.1 Calon yang sakit boleh memohon untuk penangguhan pengajian dengan mengemukakan bersama surat pengesahan daripada doktor dan diperakukan oleh pegawai perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan. Penangguhan pengajian disebabkan oleh sakit tidak diambilkira dalam bilangan semester yang telah digunakan. Status penangguhan yang serupa boleh diberi kepada Calon yang memohon penangguhan pengajian atas sebab-sebab kepentingan Universiti atau negara.
- 5.6.2 Calon juga boleh memohon penangguhan atas alasan selain daripada sebab-sebab kesihatan atau kepentingan Universiti atau Negara. Penangguhan pengajian ini akan diambilkira dalam pengiraan bilangan semester yang digunakan. Calon tidak dibenarkan membuat penangguhan pengajian melebihi daripada dua (2) semester berturut-turut.

- 5.6.3 Calon yang diluluskan penangguhan pengajian tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan untuk Calon oleh pihak Universiti.

5.7 Penggantungan dan Pemberhentian

Calon yang mengikuti sesuatu program pengajian boleh diberhentikan atau digantung pengajian untuk satu tempoh tertentu atas sebab melanggar peraturan Universiti. Sekiranya digantung pengajian, tempoh penggantungan adalah diambil kira sebagai telah digunakan, kecuali atas pertimbangan khas dan diperakurkan oleh JKTSPS.

5.8 Daftar Semula Pengajian Kursus

Calon yang terbatal pendaftarannya kerana tidak mematuhi Seksyen 5.1.3, boleh merayu untuk dikembalikan status. Pengembalian status hanya dibenarkan sekali sahaja bagi setiap Calon. Lazimnya jika Calon itu dikembalikan status, matapelajaran-matapelajaran yang telah diambil akan diambil kira kreditnya bagi penganugerahan ijazah. Hanya matapelajaran-matapelajaran yang tinggal sahaja yang perlu diambil.

Seksyen 6: Yuran

- 6.1 Calon dikehendaki membayar yuran pengajiannya setiap semester sebelum atau semasa pendaftaran. Calon yang tidak menerima apa-apa bantuan kewangan dari mana-mana organisasi harus menunjukkan bukti pembayaran sebelum mereka dibenarkan untuk mendaftar.
- 6.2 Calon yang menerima bantuan kewangan dari mana-mana organisasi dikehendaki mengemukakan surat jaminan pembayaran sebelum pendaftaran.
- 6.3 Calon yang gagal menjelaskan yuran akan ditahan keputusan peperiksaannya.

Seksyen 7: Penyeliaan dan Penasihatan Calon

- 7.1 Calon yang mengikuti program Mod Penyelidikan akan dibimbing oleh seorang Penyelia/Panel Penyelia yang dilantik oleh Senat. Senat boleh melantik atau mengganti Penyelia/Panel Penyelia.
- 7.2 Penyelia/Panel Penyelia juga merupakan penasihat akademik bagi Calon tersebut.
- 7.3 Penyelia/Panel Penyelia hendaklah mengemukakan kepada Senat satu laporan sulit mengenai kemajuan kerja Calon berkenaan setiap semester (atau 6 bulan) di sepanjang tempoh pengajiannya dengan menggunakan borang PPS-PG4.
- 7.4 Calon yang mengikuti Mod Campuran atau Mod Kursus, yang perlu menyediakan Disertasi atau Projek Sarjana akan dibimbing oleh Penyelia Program yang dilantik oleh Fakulti.
- 7.5 Dalam keadaan tertentu, satu panel penyelia boleh dilantik di kalangan staf akademik yang dipinjamkan ke tempat lain, berhenti atau bersara dari Universiti, atau individu dari institusi lain yang berkelayakan.
- 7.6 Penyelia atau Penyelia Utama yang tidak dapat meneruskan atau menamatkan tugasnya sebelum pemeriksaan tesis/desertasi ataupun tempoh maksimum Calon, perlulah mengemukakan permohonan kepada JKTSPS sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum penamatan

Seksyen 8: Penilaian Mod Penyelidikan

- 8.1 Tesis
 - 8.1.1 Penilaian pengajian Mod Penyelidikan adalah berdasarkan tesis sepenuhnya.
 - 8.1.2 Peraturan mengenai penyediaan tesis adalah seperti yang terdapat dalam panduan yang ditetapkan.

- 8.1.3 Tesis boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- 8.1.4 Sesbuah tesis Kedoktoran tidak boleh melebihi 100,000 patah perkataan. Manakala tesis Sarjana pula tidak boleh melebihi 50,000 patah perkataan.
(Jumlah patah perkataan hanya dikira pada teks utama sahaja dan tidak mengira nota kaki, paparan, rajah, jadual, graf, apendik, bibliografi dan lain-lain).


8.2 Rancangan Penyelidikan

- 8.2.1 Calon yang mengikuti program Mod Penyelidikan yang memerlukan kerja penyelidikan perlu menyediakan rancangan penyelidikan yang mengemukakan rangka penyelidikan, kaedah penyelidikan dan rujukan utama.
- 8.2.2 Calon peringkat Sarjana yang mengikuti program Mod Penyelidikan dikehendaki membentangkan rancangan penyelidikan selewat-lewatnya pada akhir semester pertama.
- 8.2.3 Calon peringkat Kedoktoran pula mestilah menyerahkan rancangan penyelidikan masing-masing selewat-lewatnya pada penghujung semester lazim yang kedua pengajiannya.
- 8.2.4 Rancangan penyelidikan perlu diluluskan oleh JKPSF sebelum Calon dibenarkan meneruskan penyelidikannya.
- 8.2.5 Bagi Mod Campuran, tajuk Disertasi perlu diluluskan oleh JKPSF sebelum Calon dibenarkan meneruskan penyelidikannya.

8.3 Penyerahan Tesis

- 8.3.1 Calon yang berhasrat untuk menyerahkan tesisnya, hendaklah terlebih dahulu menyerahkan tajuk akhir tesis tersebut dan menyerahkan borang '*Notis Penyerahan Tesis*' (PPS-PG5) kepada JKPSF sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tarikh jangkaan penyerahan.

- 8.3.2 Calon hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis daripada Penyelianya terlebih dahulu.
- 8.3.3 Calon hendaklah menyerahkan tesis sebelum atau dalam semester akhir tempoh maksimum yang dibenarkan. Penyerahan tesis hendaklah dibuat dalam semester berdaftar.
- 8.3.4 Lima (5) naskah berkulit lembut perlu diserahkan kepada JKPS untuk tujuan pemeriksaan.
- 8.3.5 Calon yang mengemukakan tesis diwajibkan juga menyerahkan satu salinan tesis dalam bentuk digital yang telah disemak dan disahkan oleh Penyelia.
- 8.3.6 Seseorang calon program penyelidikan perlu menyediakan dan menyerahkan kerja penyelidikan yang asli dalam bidang penyelidikan itu.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

8.4 Prosidur Penilaian

- 8.4.1 Dalam masa sebulan pihak JKTSPS akan melantik seseorang Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar untuk menilai tesis.
- 8.4.2 Berdasarkan tesis yang diserahkan, setiap pemeriksa dikehendaki menyediakan satu laporan menyatakan bahagian tesis untuk semakkan (jika ada) dan menyerahkannya kepada JKTSPS tidak lebih daripada sebulan selepas beliau menerima tesis kepada JKTSPS. Para pemeriksa akan mengkategorikan tesis tersebut ke dalam kategori-kategori berikut:
- (i) Lulus
 - (ii) Lulus dengan sedikit pembetulan
 - (iii) Lulus dengan banyak pembetulan
 - (iv) Gagal

- 8.4.3 Setiap Calon dikehendaki mempertahankan tesisnya dalam satu Persembahan Lisan (*viva voce*).
- 8.4.4 Keputusan penilaian tesis Calon pengajian Mod Penyelidikan akan ditentukan oleh JKTSPS (Peperiksaan) dengan mengambilkira perakuan PT dan PPL untuk diperakukan kepada Senat

8.5 Pemeriksa Tesis (PT) dan Panel Peperiksaan Lisan (PPL)

8.5.1 Program pengajian peringkat Sarjana:

(a) PT peringkat Sarjana hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar.

(b) PPL lazimnya terdiri daripada Pemeriksa Dalam, Pemeriksa Luar dan Penyelia/Penyelia Utama. Dekan PPS sebagai pengurus dan akan menentukan sama ada Pemeriksa Luar diperlukan hadir dalam sesi Peperiksaan Lisan, berdasarkan laporan peperiksaan tesis oleh Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam.

8.5.2 Program Pengajian Doktor Falsafah:

(a) PT peringkat Doktor Falsafah hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar.

(b) PPL lazimnya terdiri daripada Pemeriksa Dalaman, Pemeriksa Luar dan Penyelia/Penyelia Utama. Dekan PPS sebagai pengurus dan jika perlu, boleh memutuskan Peperiksaan Lisan dilaksanakan tanpa kehadiran Pemeriksa ataupun mengantikannya dengan Dekan Fakulti Calon.

8.5.3 Laporan keputusan penilaian/peperiksaan hendaklah dikemukakan kepada PPS dengan menggunakan borang yang ditetapkan.

8.6 Penyerahan Tesis Akhir

- 8.6.1 Calon yang berjaya dikehendaki menyerahkan 5 salinan tesis berkulit keras dan satu salinan elektronik yang disimpan dalam media yang sesuai. Satu salinan akan disimpan di Perpustakaan, satu salinan akan disimpan di JKTSPS dan satu salinan akan disimpan oleh Fakulti.
- 8.6.2 PPS akan menyerahkan keputusan kepada Senat untuk diperakui sebelum dimaklumkan kepada calon.

Seksyen 9: Penilaian Mod Kursus dan Mod Campuran

- 9.1 Bentuk Penilaian yang boleh diadakan bagi Mod Kursus dan Mod Campuran adalah seperti berikut:

- (a) Penilaian Kerja Kursus;
- (b) Penilaian Disertasi dan Kertas Projek;
- (c) Persembahan Lisan;
- (d) Peperiksaan Komprehensif;
- (e) Peperiksaan Penilaian Kelayakan;
- (f) Peperiksaan Lain Yang Berkaitan;

9.2 Penilaian Kerja Kursus

9.2.1 Komponen Penilaian:

Bagi mata pelajaran yang dinilai berdasarkan kerja kursus dan peperiksaan akhir, wajaran kerja kursus hendaklah tidak kurang daripada 50% manakala wajaran peperiksaan akhir hendaklah tidak lebih daripada 50%.

9.2.2 Sistem Gred:

Hubungan antara markah, gred, mata nilai dan taraf pencapaian sesuatu mata pelajaran adalah seperti berikut dalam Jadual 3.

Jadual 3: Hubungan antara Markah, Gred, Mata Nilai dan Taraf Pencapaian

Markah Marks	Gred Grade	Mata Nilai Points	Taraf Pencapaian <i>Level of Achievement</i>
85 - 100	A	4.0	Lulus dengan Cemerlang <i>Excellent Pass</i>
80 - 84	A-	3.7	Lulus dengan Cemerlang <i>Excellent Pass</i>
75 - 79	B+	3.3	Lulus dengan Baik <i>Good Pass</i>
70 - 74	B	3.0	Lulus dengan Baik <i>Good Pass</i>
65 - 69	B-	2.7	Lulus <i>Pass</i>
60 - 64	C+	2.3	Lulus <i>Pass</i>
55 - 59	C	2.0	Lulus <i>Pass</i>
50 - 54	C-	1.7	Lulus <i>Pass</i>
45 - 49	D+	1.3	Gagal <i>Fail</i>
40 - 44	D	1.0	Gagal <i>Fail</i>
00 - 39	E	0.0	Gagal <i>Fail</i>

- 9.2.3 Gred lulus bagi mata pelajaran adalah "C-". Calon dibenarkan untuk memperbaiki grednya sepanjang tempoh pengajian dengan syarat:
- mendapat keputusan "B-" ke bawah
 - memperbaiki gred yang sama sekali sahaja
 - gred yang terbaik diantara gred asal dan terkini akan diambil kira dalam pengiraan GPA dan CGPA.

9.3 Penilaian Disertasi (*Mod Campuran*)

9.3.1 Peperiksaan bagi Calon yang mengikuti program pengajian Mod Campuran peringkat Sarjana hendaklah mengandungi:

- (a) Peperiksaan bagi mata pelajaran yang diikuti pada setiap semester.
- (b) Penilaian Disertasi.
- (c) Peperiksaan Lisan bagi mempertahankan Disertasi.

9.3.2 Calon boleh mendaftar untuk Disertasi jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) Calon telah menyiapkan sehingga 50% daripada kerja kursus yang diperlukan dan mencapai CGPA 3.00 ke atas
- (b) Cadangan disertasi telah diluluskan oleh JKPSF
- (c) Calon masih dalam jangkamasa pengajian maksimum atau telah diluluskan untuk jangkamasa pengajian sambungan.

9.3.3 Calon yang mengikuti pengajian Mod Campuran peringkat Sarjana hendaklah menyerahkan Disertasi mengikut jadual penyertaan yang ditetapkan oleh Fakulti. Bilangan naskah yang perlu diserahkan ditetapkan oleh Fakulti. Calon juga diwajibkan mengemukakan satu salinan disertasi dalam bentuk digital yang telah disemak dan disahkan oleh penyelia.

9.3.4 Disertasi boleh ditulis sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

9.3.5 Bagi Disertasi peringkat Sarjana, Panel Peperiksaan dan PPL terdiri daripada beberapa orang staf akademik yang dilantik oleh Fakulti.

9.3.6 Peperiksaan lisan bagi mempertahankan Disertasi diadakan di hadapan PPL di peringkat Fakulti masing-masing.

9.5 Kehadiran

- 9.5.1 Calon mesti hadir tidak kurang 80% daripada masa pertemuan yang ditentukan bagi semua mata pelajaran berbentuk kuliah atau amali.
- 9.5.2 Sekiranya Calon tidak memenuhi seksyen 9.5.1 di atas bagi mana-mana mata pelajaran tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti, maka Calon tidak dibenarkan menghadiri kuliah dan menduduki sebarang peperiksaan selanjutnya dan diberi markah sifar (0) bagi mata pelajaran yang berkenaan.

Seksyen 10: Kedudukan Akademik

- 10.1 Pencapaian Calon dinilai mengikut Mod pengajian seperti dalam Jadual 4.
- Pengajian Mod Kursus menggunakan CGPA;
 - Pengajian Mod Campuran menggunakan CGPA dan Gred Penyelidikan;
 - Pengajian Mod Penyelidikan menggunakan Gred Penyelidikan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Jadual 4: Kedudukan Akademik bagi Pengajian Siswazah

Taraf Kedudukan	Mod Kursus (CGPA)	Gred Penyelidikan	Kelayakan Meneruskan Pengajian
Kedudukan Baik(KB)	CGPA ≥ 3.00	Memuaskan (MM)	Layak
Kedudukan Bersyarat(KS)	2.70 ≤ CGPA <3.00	Tidak Memuaskan (TM)	Bersyarat
Kedudukan Gagal(KG)	CGPA< 2.70	Gagal (GG)	Tidak Layak

- 10.2 Calon yang mendapat Kedudukan Bersyarat (KS) sebanyak dua (2) kali berturut-turut bagi penilaian dua (2) Semester Lazim akan diberhentikan.
- 10.3 Calon pengajian Mod Campuran yang gagal mencapai keputusan untuk dianugerah sesuatu ijazah boleh dianugerah ijazah lebih rendah atau Diploma Lepas Ijazah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 10.4 Kredit Minimum untuk Lulus Program

- 10.4.1 Calon dikehendaki lulus dalam semua mata pelajaran yang disyaratkan untuk sesuatu program pengajian.
- 10.4.2 Jumlah kredit minimum untuk penawaran dan menyelesaikan sesuatu program adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Kredit Minimum untuk Pengajian Siswazah

Ijazah Degree	Kredit Minimum Minimum Credits
Program Sarjana	36
Program Doktoral	90

- 10.5 Pengumuman Keputusan Peperiksaan
- Keputusan peperiksaan akan diumumkan kepada Calon setelah mendapat kelulusan Senat.

Seksyen 11: Keperluan Pengijazahan

11.1 Keperluan Am

11.1.1 Keperluan pengijazahan siswazah boleh mengandungi pencapaian yang memuaskan dalam salah satu atau gabungan (jika perlu) yang berikut:

- (a) Kursus
- (b) Tesis, disertasi, kertas projek
- (c) Latihan industri, praktikum, kerja lapangan
- (d) Mana-mana keperluan yang lain seperti yang disyaratkan oleh Fakulti
- (e) Pelajar luar negara/antarabangsa dikehendaki mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu dan Budaya Malaysia.

11.1.2 Keperluan Khas dan jumlah jam kredit yang diperlukan untuk pengijazahan tertakluk kepada keperluan Fakulti.

11.1.3 Sebarang perubahan dalam keperluan pengijazahan satu-satu program akan dicadangkan oleh Fakulti dan diperakui oleh Senat.

11.2 Keperluan Pengijazahan Mengikut Jenis Kursus

11.2.1 Kursus Keperluan Program

- (a) Kursus keperluan program termasuk kursus-kursus wajib dan kursus-kursus elektif yang ditetapkan dalam program pengajian dan keperluan untuk bergraduat.
- (b) Semua kursus keperluan program mempunyai jam kredit yang tertentu dan boleh dikira dalam CGPA.
- (c) Kursus keperluan program akan dinilai berdasarkan sistem penggredan yang dinyatakan dalam Jadual 3.
- (d) Jika seseorang Calon gagal kursus wajib, beliau perlu mengulang. Jika beliau gagal kursus elektif, beliau boleh mengulang kursus atau menggantikannya dengan kursus elektif yang lain dalam semester seterusnya tertakluk kepada penawaran kursus.

11.2.2 Kursus Keperluan Khas

- (a) Jika perlu, seseorang Calon dikehendaki oleh Fakulti untuk mendaftar kursus keperluan khas.
- (b) Kursus keperluan khas tidak membawa apa-apa nilai jam kredit dan tidak dikira dalam CDPA Calon.
- (c) Kursus keperluan khas dinilai atas dasar lulus/gagal. Jika seseorang Calon itu gagal, Calon boleh mengulang kursus.

11.2.3 Kursus Kemahiran Bahasa

- (a) Jika perlu, seseorang Calon mungkin dikehendaki mendaftar untuk kursus kemahiran bahasa untuk memenuhi keperluan bahasa program itu.
- (b) Kursus kemahiran bahasa tidak membawa apa-apa nilai jam kredit dan tidak dikira dalam CGPA Calon.

11.3 Calon luar negara juga boleh diarahkan untuk mengikuti kursus Bahasa Malaysia/Budaya Malaysia dan mencapai skor minimum sebagai syarat penganugerahan ijazah.

11.4 Penganugerahan Ijazah

11.4.1 Calon hanya layak dianugerahkan ijazah setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (i) Memperoleh jumlah kredit lulus yang ditetapkan dalam program dan mendapat keputusan KB;
- (ii) Lulus dalam semua mata pelajaran yang disyaratkan dan tesis atau disertasi (jika diperlukan);
- (iii) Mengemukakan permohonan penganugerahan;
- (iv) Telah menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan;
- (v) Syarat-syarat lain yang ditetapkan;

- 11.4.2 Calon boleh memohon untuk sesuatu anugerah apabila telah memenuhi syarat minimum kredit seperti dalam Jadual 5;
- 11.4.3 Universiti boleh menganugerahkan ijazah lebih rendah termasuk Diploma Lepas Ijazah kepada Calon yang gagal memenuhi syarat minimum bagi penganugerahan ijazah program pengajian yang diikuti oleh Calon.

Seksyen 12: Penyelewengan Akademik dan Hukuman

- 12.1 Calon yang melakukan penyelewengan akademik boleh diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan undang-undang/peraturan tatatertib yang berkuat kuasa dan diterima pakai di Universiti.
- 12.2 Pelajar tidak boleh melakukan penyelewengan di mana-mana bidang akademik seperti berikut:
 - (a) Menciplak, menggunakan kalimat idea atau maklumat tanpa kebenaran atau penghargaan kepada penulis asal
 - (b) Memberi atau menerima atau memiliki sebarang maklumat yang ada hubungan dengan soalan peperiksaan sebelum peperiksaan untuk mata pelajaran tersebut bermula
 - (c) Merujuk dan menggunakan sebarang rujukan di dalam atau di luar bilik peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan
 - (d) Berhubung dengan mana-mana pelajar lain dalam masa peperiksaan dengan apa-apa juga cara apa pun.
 - (e) Memberi atau menerima sebarang bantuan semasa peperiksaan.
 - (f) Mula menjawab soalan peperiksaan sebelum waktu yang ditetapkan atau meneruskan kerja selepas waktu peperiksaan tamat.

- (g) Mengambil, mengubah, menyembunyi, merosak atau memusnahkan sebarang harta yang ada kaitan dengan persediaan atau penyempurnaan tugas penyelidikan atau peperiksaan.

12.3 Hukuman

12.3.1 Sekiranya Calon didapati melakukan mana-mana penyelewengan akademik, setelah dibicara dan sabit kesalahannya, maka Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu, atau apa-apa kombinasi yang sesuai daripada hukuman-hukuman berikut:-

- a. Memberi markah sifar (0) kepada peperiksaan akhir bagi matapelajaran berkenaan.
- b. Memberi markah sifar (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan mata pelajaran yang berkenaan.
- c. Menggantung pengajian Pelajar selama satu tempoh yang difikirkan wajar oleh Senat.
- d. Membatalkan keputusan bagi keseluruhan peperiksaan semester yang terbabit.
- e. Membatalkan keputusan keseluruhan peperiksaan dan diberhentikan dari pengajian.

Seksyen 13: Penerbitan dan Hakcipta

13.1. Calon boleh dengan kebenaran penyelianya, menerbitkan kertas berdasarkan kerja penyelidikan sepanjang tempoh pengajian.

(Dengan syarat dalam kertas sedemikian, rujukan kepada Universiti dibuat dan dengan terang dijelaskan bahawa kerja penyelidikan tersebut belum lagi diluluskan oleh Universiti sebagai memenuhi syarat untuk ijazah siswazah)

13.2 Seseorang Calon tidak boleh menyerahkan kerja penyelidikan yang telah dikurniakan ijazah oleh Universiti ini atau institusi-institusi lain. Namun, Calon tidak dilarang daripada menggabungkan mana-mana bahagian daripada kerja penyelidikan itu jika bahagian yang digabungkan tersebut dijelaskan dengan terang.

- 13.3. Calon boleh menyerahkan untuk, program siswazah, daptan kajian yang dijalankan sebelum kemasukkannya ke Universiti atau sebahagian daripada keperluan kerja Dengan Syarat kerja penyelidikan itu berkaitan dengan bidang pengajiannya yang dibenarkan dan daptan itu adalah hasil usahanya. Walaubagaimanapun Calon masih tertakluk kepada tempoh minimum pengajian.
- 13.4 Calon boleh memohon untuk mempertahankan kerahsiaan kajiannya. Tempoh maksimum adalah tiga tahun dari tarikh penganugerahan ijazah.
- 13.5.1 Pihak Universiti dan penulis kajian akan menjadi pemegang hakcipta bersama, atas kerja penyelidikan yang diserahkan kepada Universiti tanpa mengira sama ada kerja tersebut telah diterima untuk penganugerahan ijazah atau tidak.
- 13.6 Semua kerja penyelidikan yang diserahkan mestilah disertakan dengan pengakuan hakcipta yang ditandatangani, sekiranya tidak asli atau ada unsur-unsur penyelewengan seperti yang telah dibutirkkan dalam "*Panduan Penulisan Tesis*" yang dikeluarkan oleh PPS.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Seksyen 14: Peruntukan Am

- 14.1 Senat berhak menarik balik tawaran kemasukan jika Calon didapati memberi maklumat palsu berkenaan dengan permohonannya.
- 14.2 Permohonan dan rayuan daripada Calon yang berkaitan dengan Peraturan Akademik Siswazah hendaklah dikemukakan kepada PPS melalui Fakulti masing-masing. PPS akan merujuk permohonan atau rayuan tersebut kepada Senat untuk mendapatkan perakuan.
- 14.3 Sebarang kaedah pelaksanaan selanjutnya boleh dibuat di bawah mana-mana peruntukan Peraturan ini. Semua kaedah pelaksanaan yang dibuat mestilah dipatuhi. Walaubagaimanapun, Senat berhak untuk memindanya dari masa ke semasa apabila keadaan memerlukannya.